

*Artikel*

**Kelestarian Dana Masjid di Negeri Sarawak**  
(*Sustainable Fund of Mosques in Sarawak*)

Shamsiah Haji Mahli<sup>1</sup>, Zaimuariffudin Shukri Nordin<sup>2\*</sup> & Shahren Ahmad Zaidi<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Institut Pengajian Borneo, Universiti Malaysia Sarawak, 94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia

<sup>2</sup>Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia, Universiti Malaysia Sarawak, 94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia

<sup>3</sup>Kolej Universiti i-CATS, 93350 Kuching, Sarawak, Malaysia

\*Pengarang Koresponden: [nzaim@unimas.my](mailto:nzaim@unimas.my)

**Abstrak:** Kelestarian dana merupakan isu penting terutamanya bagi institusi yang bukan berasaskan keuntungan seperti masjid. Dana yang lestari membantu masjid memainkan peranan dan fungsinya yang pelbagai secara berterusan untuk memberi manfaat kepada masyarakat pada masa sekarang dan akan datang. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti (i) sumber dana; (ii) aktiviti pengimarahannya; dan (iii) perkhidmatan komuniti yang disediakan; serta (iv) meneroka faktor-faktor yang menyumbang kepada kelestarian dana masjid-masjid di Negeri Sarawak. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes, melibatkan 16 informan yang merupakan Ahli Jawatankuasa Pengurusan Masjid. Sebanyak lima buah masjid yang dikategorikan oleh Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS) sebagai masjid yang aktif dengan aktiviti pengimarahannya serta mempunyai dana yang lestari dipilih sebagai sampel kajian ini. Kaedah pengumpulan data pula menggunakan kaedah temu bual berstruktur dan penganalisaan dokumen manakala analisis data menggunakan teknik analisis kandungan. Hasil kajian mendapati derma orang ramai melalui kutipan Jumaat, derma berasaskan keperluan dan aktiviti masjid merupakan sumber dana utama bagi masjid-masjid di Negeri Sarawak. Hasil kajian juga mendapati masjid-masjid tersebut aktif melaksanakan aktiviti pengimarahannya yang dijalankan secara mingguan, bulanan dan tahunan manakala perkhidmatan komuniti pula merangkumi aspek kebajikan, pendidikan dan sokongan sosial. Ke kerapannya aktiviti pengimarahannya serta perkhidmatan komuniti yang dilaksanakan oleh masjid mendorong jemaah untuk terus menyumbang kepada dana masjid. Kesedaran yang tinggi untuk menderma dalam kalangan masyarakat setempat juga menyumbang kepada perolehan dana masjid. Implikasi kajian menyarankan agar institusi masjid dapat mengusahakan sumber dana lain yang dijana melalui pendapatan dan tidak terlalu bergantung sepenuhnya dengan sumbangan dan derma orang ramai. Aktiviti pengimarahannya dan perkhidmatan komuniti yang sedia ada boleh dipelbagaikan dan diperluaskan agar dapat memberikan manfaat bukan sahaja kepada komuniti setempat tetapi umat Islam di Sarawak amnya.

**Kata kunci:** kelestarian dana, sumber dana, aktiviti pengimarahannya, perkhidmatan komuniti

**Abstract:** Sustainability of fund is an important issue especially for non-profit organisations such as the mosques. Sustainable fund helps the mosques to continuously play their various roles and functions for the benefits of the community at the present time and in the future. The objective of this study is to identify (i) sources of funds; (ii) activities; and (iii) community services provided; as well as (iv) exploring the factors that contribute to the sustainability of the mosques' funds in the State of Sarawak. The study used a qualitative approach with the design of the case study, involving 16 informants who were members of the Management Committee of the mosques selected as samples of this study. The samples comprised of a total of five mosques categorised by the Sarawak Islamic Religious Department (JAIS) as active mosques with religious talks and with sustainable funding. The data collection method uses structured interviews and document analysis, while

the data analysis uses content analysis techniques. The results of the study showed that public donations through Friday collections, and donations based on mosque needs and activities are the main sources of fund for mosques in Sarawak. The results of the study also showed that these mosques implement activities on regular basis, either weekly, monthly or annually, while community services include aspects of welfare, education and social support. The frequency of activities and community services carried out by the mosques encourage the congregations to continuously contribute to the mosques' fund. The high awareness on donation among the local community also contributes to the mosques' fund. The implication of the study suggests that the mosques as an institution must work on getting other sources of funds which can be generated through income so as not to rely too much on donations from the public. Existing outreach and community services activities can also be diversified and expanded to benefit not only the local community but Muslims in Sarawak in general.

**Keywords:** sustainable fund, fund resources, mosque activities, community services

---

## Pengenalan

Kelestarian dana amat penting kepada institusi yang bukan berasaskan keuntungan seperti masjid. Maboya & McKay (2019) menjelaskan kelestarian kewangan atau dana merujuk kepada kemampuan sesebuah organisasi berada dalam kedudukan kewangan yang positif serta dapat melaksanakan program dan aktiviti. Masjid sentiasa dapat diimarahkan dengan pelbagai aktiviti yang dapat memberikan manfaat kepada komuniti sekiranya mempunyai kedudukan dana yang lestari. Masalah kekurangan dana menyebabkan masjid tidak mampu untuk melaksanakan pelbagai aktiviti pengimarahkan secara konsisten dan berkualiti (Borhan & Sa'ari, 2002; Wahid, Nor, Ahmad, & Ahmad, 2009; Said, Mohamed, Sanusi & Yusuf, 2013). Terdapat juga masjid yang mempunyai dana yang besar namun ianya disimpan dan dilaburkan untuk memperolehi pulangan sekitar lima ke tujuh peratus setahun (Hussin, Muhammad, Razak, Habidin, & Mohamad, 2012) atau disimpan beku dalam institusi kewangan (Adnan, & Mohamad, 2017). Sememangnya terdapat kajian lepas yang melihat kepada aspek kelestarian bangunan masjid (Eusof, Denny, Som, Jusan, & Ibrahim, 2015; Tohid, & Rahim, 2016; Baharudin, & Ismail, 2014) serta peranan masjid dalam melestarikan alam sekitar (Azmi, & Kandar, 2019; Hidayat, Danuri, & Purwanto, 2018; Mohsina, Ahmad Basria, Zaina, & Gheeb, 2018). Begitu juga terdapat kajian lepas yang melihat peranan masjid dalam aspek kelestarian sosial (Omar, Ilias, Teh, & Borhan, 2018; Jaffar, Harun, & Abdullah, 2020). Dalam aspek kelestarian ekonomi pula, terdapat kajian yang melihat masjid berperanan dalam melestarikan perniagaan setempat dan pengurangan kos perbelanjaan masjid khusus dari segi penggunaan tenaga dan air (Omar et al., 2018). Penyelidik mendapati aspek yang menyentuh kelestarian dana masjid amat kurang dikaji dan amat perlu ianya diberikan perhatian kerana kelestarian dana masjid amat penting dalam memastikan peranan dan fungsi masjid dapat dilaksanakan secara berterusan.

Terdapat kajian terdahulu yang mengkaji tentang sumber dana masjid (Yasoa et al., 2019; Yasoa et al., 2016; Omar et al., 2015; Jazeel, 2014; Razak et al., 2014; Tristan & Brown, 2013). Namun begitu, penyelidik mendapati kajian yang mengaitkan sumber dana sebagai pemangkin kepada kelestarian dana masjid masih belum banyak dikaji. Kajian mengenai sumber dana masjid pernah dijalankan di Negeri Kedah (Omar et al., 2015); Negeri Kelantan (Yasoa et al., 2019); Negeri Perak (Razak et al., 2014); Negara Sri Lanka (Jazeel, 2014) tetapi penyelidik mendapati amat kurang kajian mengenai sumber dana masjid dilaksanakan di Negeri Sarawak.

Kajian Ismail, & Yusoff (2020) mendapati masyarakat yang melibatkan diri dengan aktiviti masjid didapati lebih cenderung untuk bersedekah dengan masjid berbanding dengan masyarakat yang tidak terlibat dengan aktiviti masjid. Ini bermaksud aktiviti pengimarahkan masjid boleh menjadi pemangkin kepada kelestarian dana masjid sekiranya aktiviti tersebut dalam diadakan secara berterusan dan menarik lebih ramai lagi masyarakat untuk menyertainya. Namun begitu, institusi masjid hari ini terhad kepada aktiviti keagamaan sahaja malah pendekatan aktiviti hanya berbentuk ceramah semata-mata. Malah aktiviti-aktiviti masjid hanya sesuai untuk golongan dewasa dan amat kurang aktiviti-aktiviti khusus untuk golongan remaja dan belia. Masjid sebagai sebuah institusi penting dalam masyarakat Islam seharusnya dapat menyediakan pelbagai bentuk perkhidmatan yang dapat memenuhi keperluan masyarakat setempat antaranya bantuan

kebijakan, pengurusan jenazah, bimbingan dan kaunseling dan pendidikan. Namun begitu, masjid hari ini dilihat amat kurang menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan yang diperlukan oleh masyarakat setempat. Walaubagaimanapun, penyelidik mendapati belum terdapat kajian yang melihat perkaitan yang jelas antara kelestarian dana masjid dengan perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan oleh masjid untuk memenuhi keperluan masyarakat setempat. Justeru, objektif utama kajian ini ialah mengenal pasti sumber dana, aktiviti pengimarah dan perkhidmatan komuniti yang disediakan oleh masjid-masjid di Negeri Sarawak. Kajian ini juga meneroka faktor-faktor yang menyumbang kepada kelestarian dana masjid.

### Ulasan Karya

Pada tahun 2015, Matlamat Pembangunan Lestari (Sustainable Development Goals-SDGs) telah diperkenalkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Ianya menggariskan 17 matlamat dan 169 petunjuk yang ingin dicapai menjelang tahun 2030. Matlamat Pembangunan Lestari adalah kesinambungan daripada Matlamat Pembangunan Millenium (Millenium Development Goals-MDGs) yang bertujuan untuk membasmi kemiskinan dengan strategi pertumbuhan ekonomi, menangani pelbagai keperluan sosial termasuklah pendidikan, kesihatan, perlindungan sosial, peluang pekerjaan serta menangani isu perubahan iklim dan perlindungan alam sekitar. Terdapat 17 matlamat global yang hendak dicapai menjelang tahun 2030 antaranya (1) Tiada Kemiskinan; (2) Sifar Kelaparan; (3) Kesihatan dan kesejahteraan; (4) Pendidikan Berkualiti; (5) Kesaksamaan Gender; (6) Air dan Sanitasi yang bersih; (7) Tenaga yang berpatutan dan bersih; (8) Pembangunan Ekonomi dan Kerja Wajar; (9) Industri, Inovasi dan Infrastruktur; (10) Pengurangan Ketidaksamaan; (11) Bandar dan Komuniti Lestari; (12) Penggunaan dan Pengeluaran yang bertanggungjawab; (13) Tindakan Terhadap Iklim; (14) Kehidupan di dalam Air; (15) Kehidupan di atas Daratan; (16) Keamanan, Keadilan dan Pertubuhan Kukuh; dan (17) Rakan Kerjasama bagi mencapai matlamat kelestarian (Unit Perancang Ekonomi, 2019). Dalam kajian ini, matlamat SDGs ke 8, pembangunan ekonomi yang mampan digunakan dalam menerangkan tentang kelestarian dana masjid. Institusi masjid dapat melestarikan fungsi dan peranannya masa kini dan pada masa akan datang apabila institusi tersebut memilikinya sumber dana yang mampan (Ramli et al., 2020)

Menurut laporan Bruntland (1987), pembangunan lestari ialah pembangunan yang memenuhi keperluan generasi masa kini tanpa menjejaskan keupayaan generasi akan datang untuk memenuhi keperluan mereka sendiri (Al-Jayyousi, 2012; Rizv & Unissa, 2015). Menurut Al-Jayyousi (2012), elemen penting dalam definisi pembangunan lestari yang diperkenalkan dalam laporan Bruntland ialah memenuhi keperluan generasi sekarang dan keperluan generasi masa depan. Holmberg (1992) menjelaskan terdapat tiga prinsip yang menjadi tunjang dalam pembangunan lestari iaitu persekitaran, sosial dan ekonomi (Rizv & Unissa, 2015). Emas (2015) turut menyatakan integrasi antara aspek persekitaran, sosial dan ekonomi yang merupakan prinsip utama dalam pembangunan lestari seharusnya menjadi pertimbangan utama dalam sebarang keputusan dibuat.

Dari segi prinsip ekonomi, sistem ekonomi yang lestari hendaklah dapat menghasilkan barangan dan perkhidmatan secara berterusan dan dalam masa yang sama dapat mengekalkan hutang kerajaan serta hutang luar pada kadar yang terurus, mengelakkan ketidakseimbangan yang luar biasa yang boleh menjejaskan pengeluaran daripada sektor pertanian atau industri. Dari prinsip persekitaran pula, ianya harus dikekalkan untuk asas sumber yang stabil. Ini dapat dicapai dengan mengelak daripada eksploitasi sistem sumber boleh diperbaharui. Pengurangan sumber tidak boleh diperbaharui hanya dilakukan setakat mana pelaburan dibuat dalam pengganti yang mencukupi. Ini bermakna pengekalan biodiversiti, kestabilan atmosfera dan lain-lain fungsi ekosistem yang tidak biasanya dikelaskan sebagai sumber ekonomi perlu dijalankan. Bagi prinsip sosial pula, sistem sosial yang lestari boleh dicapai melalui pengagihan yang adil, menyediakan perkhidmatan sosial yang mencukupi termasuk aspek kesihatan dan pendidikan, kebertanggungjawaban politik dan penyertaan (Azizan Baharuddin, 2017). Justeru, pembangunan lestari adalah pembangunan yang dapat mengimbangkan keperluan ekonomi, persekitaran dan sosial untuk kesejahteraan generasi sekarang dan akan datang. Dalam konteks kajian ini, konsep ekonomi yang lestari digunakan sebagai teras utama dalam kajian ini.

Selain kutipan tabung, terdapat masjid yang memiliki sumber dana yang kukuh hasil sewaan aset wakaf seperti tanah, bangunan dan peralatan-peralatan masjid (Ramli et al., 2020). Masjid juga memperolehi sumber dana daripada Kerajaan Negeri atau Majlis Agama Islam Negeri dalam bentuk geran, derma daripada

individu perseorangan dan syarikat-syarikat korporat (Yasoa et al., 2019). Terdapat kajian-kajian terdahulu yang mengkaji mengenai sumber dana masjid. Omar et al. (2015) telah mengkaji sumber dana bagi Masjid Jamek di daerah Kubang Pasu, Kedah mendapati 80 peratus daripada sumber dana masjid diperolehi daripada sedekah dan sumbangan orang ramai. Kajian oleh Jazeel (2014), ke atas masjid-masjid di Sri Lanka mendapati 88.6 peratus sumber dana masjid diperolehi daripada sumbangan bulanan oleh jemaah mengikut tahap gaji mereka. Kajian yang dilakukan Yasoa et. al (2019) ke atas beberapa buah masjid di Kelantan mendapati sumber dana utama masjid diperolehi daripada sumbangan orang awam.

Norani & Abdullah (2020) telah menganalisis aktiviti-aktiviti keagamaan yang dijalankan oleh 194 buah masjid di Negeri Melaka merangkumi daerah Alor Gajah, Melaka Tengah dan Jasin. Hasil kajian mendapati antara aktiviti keagamaan yang dilaksanakan ialah Kuliah Subuh, Kuliah Dhuha, Kuliah Maghrib, Kuliah Takmir, Kuliah Pengajian Hadith dan ceramah bulanan. Kajian yang dilakukan oleh Bujang et al. (2012) ke atas 369 buah masjid di Negeri Sarawak telah mengkelaskan aktiviti-aktiviti pengimarahannya kepada tiga kategori iaitu aktiviti mingguan, aktiviti tahunan dan aktiviti berkala. Aktiviti mingguan bermaksud aktiviti yang dilakukan pada setiap minggu secara berjadual merangkumi kelas Al-Quran, kelas Fardu Ain, Kuliah Maghrib, Kuliah Subuh serta bacaan Yasin dan Tahlil. Aktiviti tahunan pula bermaksud aktiviti yang sering dianjurkan oleh pihak pengurusan masjid pada setiap tahun dan penganjurannya selalu dikaitkan dengan hari-hari kebesaran Islam seperti sambutan Maal Hijrah, Maulidur Rasul, Israk Mikraj, Nisfu Sya'aban, Sambutan Bulan Ramadan, Tarawih Ramadan, Tadarus al-Quran, Nuzul al-Quran, Majlis Khatam al-Quran dan Korban Aidiladha. Kebiasaannya hari-hari kebesaran Islam disambut dalam pelbagai bentuk aktiviti seperti ceramah khas, perarakan, zikir marhaban dan qiamulail. Aktiviti berkala pula bermaksud aktiviti yang dijalankan sebanyak dua atau tiga kali dalam setahun antaranya aktiviti gotong-royong, Kursus Pengurusan Jenazah, Bengkel Kefahaman Islam, Bengkel Amali Solat, Forum, Musabaqah Al-Quran, Pertandingan Nasyid, Kuiz Agama dan Zikir Marhaban.

Dalam tradisi Islam, institusi masjid berperanan dalam memberikan perkhidmatan kepada masyarakat setempat. Utaberta & Asif (2017) menyatakan bahawa institusi masjid boleh dimanfaatkan sebagai pusat perlindungan kecemasan kepada mangsa akibat daripada bencana alam seperti banjir dan gempa bumi. Peristiwa banjir yang berlaku di Kashmir, Pakistan dan Chennai, India menjadi contoh yang jelas bagaimana pihak pengurusan masjid menawarkan tempat perlindungan sementara dan bantuan makanan untuk penduduk yang terjejas banjir. Terdapat institusi masjid menyediakan perkhidmatan seperti pusat bekalan makanan bagi individu yang memerlukan. Kajian yang dilakukan oleh Zainal, Mustaffa & Othman (2019) mendapati Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZKN) dengan kerjasama daripada 574 buah masjid di negeri Kedah telah menjadi pusat bekalan makanan untuk diagihkan kepada 17,220 buah keluarga yang miskin setiap bulan. Model pusat bekalan makanan berpusat di masjid ini menepati tuntutan maqasid syariah dan selari dengan salah satu daripada matlamat pembangunan lestari (SDGs) iaitu sifar kelaparan.

## Metodologi Kajian

Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan pendekatan kajian kes. Sebanyak lima buah masjid yang dikategorikan oleh Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS) sebagai masjid yang aktif menjalankan aktiviti pengimarahannya dan mempunyai dana yang kukuh serta mampan berdasarkan laporan tahunan aktiviti dan kewangan masjid. Sejumlah 16 orang Ahli Jawatankuasa Pengurusan Masjid dipilih sebagai informan kajian ini. Instrumen temu bual berstruktur digunakan dalam menjawab objektif kajian. Instrumen ini dibina bersama dua orang pakar yang merupakan pensyarah Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia, UNIMAS serta mempunyai pengalaman belasan tahun dalam penyelidikan kualitatif, dan pra-ujian telah dijalankan ke atas instrumen dengan melibatkan lima individu bagi memastikan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen sebelum temu bual sebenar dijalankan. Teknik analisis kandungan digunakan untuk menginterpretasikan data bagi menentukan kehadiran tema dalam teks atau transkrip temu bual. Rakaman temu bual dipindahkan dalam bentuk teks sebelum proses pengkodan data dilakukan. Data-data tersebut kemudiannya dikategorikan mengikut tema atau pola yang telah ditentukan oleh penyelidik dan dipersembahkan dalam bentuk yang difahami oleh pembaca. Dalam kajian ini, penyelidik juga merujuk Laporan Tahunan Aktiviti dan Kewangan Masjid sebagai menyokong data hasil daripada temu bual bersama informan. Namun demikian, terdapat juga masjid-masjid yang tidak menyediakan laporan tersebut dengan lengkap dan menyarankan kepada penyelidik

untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan melalui laman sosial rasmi (Facebook) masjid. Terdapat juga dokumen yang disediakan oleh pihak masjid bukan bertujuan untuk penyelidikan ini, maka ianya mungkin tidak tulen dan tepat dan menyukarkan penyelidikan untuk membuat pembuktian berasaskan dokumen.

## Hasil Kajian

### 1. Profil Masjid-Masjid

#### *Masjid A*

Masjid A terletak di Kuching Utara dengan keluasan tanah 0.78 ekar dan tapak masjid meliputi 0.53 ekar dari keseluruhan tanah. Masjid A dikategorikan sebagai Masjid Kariah (Gred IV) oleh Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS) dan dapat menampung seramai 1,800 jemaah dalam satu masa. Masjid A bukan sahaja menjadi tumpuan penduduk kampung setempat tetapi juga kerap dikunjungi oleh jemaah yang tinggal di luar kawasan masjid. Majoriti penduduk yang tinggal dalam kawasan ini adalah berbangsa Melayu dan beragama Islam. Hasil dapatan temu bual mendapati sejumlah 1,500 jemaah (83.3%) menghadiri solat jumaat pada setiap minggu.

#### *Masjid B*

Masjid B terletak di bahagian Samarahan. Keluasan tanah masjid ialah 1.18 ekar manakala keluasan tapak masjid pula ialah 0.59 ekar serta dapat menampung 600 jemaah dalam suatu masa. Masjid B dikategori sebagai masjid kariah (Gred IV) kerana kedudukannya dalam kawasan kampung. Selain menjadi tumpuan penduduk Kampung Sindang yang berjumlah sekitar 1,000 penduduk, Masjid B juga dimanfaatkan oleh penduduk yang tinggal di taman-taman perumahan yang berdekatan dengan masjid. Sejumlah 360 jemaah (60%) yang hadir untuk menunaikan solat fardu jumaat pada setiap minggu.

#### *Masjid C*

Masjid C terletak dalam kawasan perumahan di bahagian Miri. Masjid yang mempunyai keluasan dua ekar tanah ini dikategorikan sebagai Masjid Daerah (Gred II). Masjid ini boleh memuatkan seramai 2,500 jemaah dalam suatu masa. Hasil kajian mendapati sejumlah 1,700 jemaah (68%) menghadiri solat Jumaat pada setiap minggu.

#### *Masjid D*


Masjid D terletak dalam kawasan perumahan di Petra Jaya, Kuching. Masjid ini mempunyai keluasan tanah 9.34 ekar manakala tapak bangunan masjid berkeluasan 4.94 ekar. Masjid yang dapat memuatkan sekitar 5,000 jemaah dalam satu masa. Sejumlah 72% atau 3,600 jemaah yang hadir ke masjid untuk menunaikan solat jumaat setiap minggu.

#### *Masjid E*

Masjid E terletak di bandar Sibu dan dikategorikan sebagai masjid bahagian (Gred 1). Ianya didirikan di atas tanah yang diberikan oleh pihak kerajaan negeri kepada Lembaga Amanah Kebajikan Islam Sibu (LAKIS) dengan keluasannya 8.40 ekar. Keluasan bangunan masjid ialah 0.86 ekar dan mampu menampung jemaah sehingga 5,000 orang dalam satu masa. Sebanyak 3,750 jemaah atau bersamaan 75% hadir untuk menunaikan solat jumaat setiap minggu.

### 2. Sumber Dana Masjid

Rajah 1 menjelaskan tentang sumber dana bagi lima buah masjid di Negeri Sarawak pada tahun 2017 dan 2019. Hasil kajian mendapati sumber dana masjid dibahagikan kepada dua kategori iaitu sumbangan dan pendapatan. Sumbangan bermaksud sedekah, infak atau derma daripada orang ramai termasuk individu perseorangan, wakil rakyat dan pelbagai organisasi manakala pendapatan pula merujuk kepada sejumlah wang yang diperolehi dalam jangka waktu tertentu hasil daripada usaha yang dilakukan antaranya kutipan Jumaat, perolehan daripada sewaan kemudahan, yuran aktiviti, jualan produk, faedah simpanan tetap dan hibah bank.



Rajah 1. Sumber dana masjid-masjid di Negeri Sarawak

Berdasarkan Jadual 1, didapati 22.5% daripada sumber dana Masjid A adalah berpunca daripada derma dan sedekah orang ramai iaitu sebanyak RM 153,419.52 manakala Masjid B pula ialah sebanyak RM 1,149.29 (1.6%). Bagi Masjid C pula, sebanyak RM 139,193.15 atau 10.7% adalah derma dan sedekah daripada orang ramai manakala Masjid D mencatat 3.2% atau RM 30,444.64. Masjid E memperoleh derma dan sedekah sebanyak RM 24,911.15 atau bersamaan 3.2% daripada jumlah dana yang diterima. Analisis kajian mendapati orang ramai termasuklah individu perseorangan menderma kepada masjid kerana aktiviti-aktiviti yang dijalankan antaranya program Ihya Ramadan khususnya untuk pembiayaan majlis berbuka puasa, moreh dan sahur, program Tahlil Perdana, program Tilawah Al-Quran dan program Korban Perdana. Perkhidmatan komuniti berbentuk kebajikan antaranya bantuan makanan keperluan harian, bantuan bulanan untuk anak yatim dan asnaf serta pengurusan jenazah turut mendorong orang ramai menyumbang dana kepada pihak masjid. Penyelidik mendapati terdapat juga derma orang ramai dikhususkan untuk menampung pembayaran bil utiliti seperti air dan elektrik. Ternyata beberapa kajian terdahulu turut memperoleh hasil kajian yang sama antaranya kajian yang dilakukan oleh Yaso et al. (2019) yang mendapat sumber dana masjid-masjid di Negeri Kelantan banyak bergantung kepada hasil sumbangan dan derma daripada orang ramai. Kajian yang dilakukan oleh Omar et al. (2015) juga memperkukuhkan hasil kajian ini di mana 80 peratus daripada keseluruhan pendapatan atau sumber dana masjid-masjid di Kubang Pasu, Kedah diterima daripada jemaah melalui kutipan tabung masjid. Kajian oleh Jazeel (2014) juga mendapati 88.6 peratus sumber dana masjid-masjid di Sri Lanka diperolehi daripada sumbangan jemaah yang dibuat setiap bulan.

Sumbangan daripada wakil rakyat turut diterima oleh Masjid A yang berjumlah RM 18,000.00 (2.6%) manakala Masjid B menerima sebanyak RM 15,000.00 (10.8%) dan Masjid C sebanyak RM 47,000.00 atau 5 peratus daripada jumlah dana yang diterima. Sumbangan tersebut diberi kepada masjid berdasarkan surat permohonan sumbangan yang dikemukakan kepada wakil rakyat tersebut. Sumbangan tersebut adalah untuk menampung perbelanjaan program yang dianjurkan oleh pihak masjid. Ini selari dengan hasil dapatan kajian daripada Samdin, Mat Zain, & Abdul Manaf (2013) di mana masjid di daerah Jelebu, Negeri Sembilan turut menerima sumbangan daripada wakil rakyat setempat.

Hasil kajian juga menjelaskan bahawa masjid-masjid turut menerima sumbangan daripada pelbagai organisasi termasuklah Agensi Kerajaan, Badan Berkanun, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan Syarikat Perniagaan. Masjid A menerima sumbangan sebanyak RM 111,168.15 (16.3%), Masjid B sebanyak RM 3,200.00 (4.4%), Masjid C sebanyak RM 68,553.00 (5.2%), Masjid D sebanyak RM 12,770.00 (1.3%) dan Masjid E sebanyak RM 55,093.00 (7.1%) daripada pelbagai organisasi. Sumbangan tersebut diberikan berdasarkan permohonan yang dikemukakan oleh pihak masjid dan sebahagiannya adalah peruntukkan yang disalurkan oleh pihak Lembaga Masjid khususnya masjid-masjid yang berada di bawah Lembaga. Hasil kajian ini selari dengan dapatan kajian Razak et al. (2014) ke atas 137 buah masjid di Negeri Perak yang turut menerima sumbangan daripada pelbagai institusi. Kajian Yaso et al. (2019) ke atas masjid-masjid di Negeri Kelantan dan kajian Omar et al. (2015) ke atas masjid-masjid di Negeri Kedah turut menerima dana daripada pelbagai organisasi seperti Jabatan Agama Islam Negeri, Majlis Agama Negeri dan Pusat Zakat Negeri.

Jadual 1. sumber dana masjid

Bil	Sumber Dana	Masjid A (RM)	Masjid B (RM)	Masjid C (RM)	Masjid D (RM)	Masjid E (RM)
Sumbangan						
1	Orang Ramai	153,419.52 (22.5%)	1,149.29 (1.6%)	139,193.15 (10.7%)	30,444.64 (3.2%)	24,911.15 (3.2%)
2	Wakil Rakyat	18,000.00 (2.6%)	15,000.00 (20.8%)	-	47,000.00 (5%)	-
3	Pelbagai Organisasi	111,168.15 (16.3%)	3,200.00 (4.4%)	68,553.00 (5.2%)	12,770.00 (1.3%)	55,093.00 (7.1%)
Pendapatan						
4	Kutipan Jumaat	359,342.00 (52.8%)	52,465.00 (73%)	787,625.64 (60.7%)	597,590.00 (63.2%)	658,887.83 (85.4%)
5	Sewaan	-	-	8,985.00 (0.7%)	66,608.00 (7%)	8,970.00 (1.2%)
6	Yuran Aktiviti	-	-	37,920.50 (3%)	59,850.00 (6.3%)	22,800.00 (3%)
7	Jualan Produk	-	-	-	1,856.00 (0.2%)	-
8	Faedah dan Penutupan Simpanan Tetap	-	-	236,134.77 (18.2%)	-	-
9	Hibah Bank	506.04 (0.07%)	-	2,317.74 (0.2%)	509.15 (0.05%)	591.77 (0.07%)
10	Lain-Lain	37,943.55 (5.5%)	-	16,080.70 (1.2%)	128,391.10 (13.6%)	-
Jumlah		680,379.26	71,814.29	1,296,810.50	945,018.89	771,253.75

Analisis selanjutnya melihat kepada hasil pendapatan masjid yang diperolehi melalui kutipan Jumaat, sewaan, yuran aktiviti dan jualan produk. Hasil kajian menunjukkan bahawa pendapatan masjid melalui kutipan Jumaat merupakan pendapatan utama masjid di mana Masjid A mencatatkan 52.8% bersamaan RM 359,342.00 manakala Masjid B memperoleh sebanyak RM 52,465.00 atau bersamaan 73% daripada jumlah dana yang diterima. Kutipan Jumaat bagi Masjid C pula ialah sebanyak RM 787,625.64 (60.7%) manakala Masjid D pula ialah sebanyak RM 597,590.00 (63.2%) dan Masjid E sebanyak RM 658,887.83 (85.4%). Hasil penemuan ini selari dengan kajian yang pernah dilakukan oleh Hussin et al. (2012) turut mendapati masjid-masjid di Negeri Perak bergantung kepada sumber dana yang diperolehi daripada kutipan tabung Jumaat.

Kajian yang dilakukan oleh Ahmad (2001) ke atas 73 buah masjid di Semenanjung Malaysia juga mendapati hampir 50 peratus dana masjid diperolehi melalui tabung Jumaat.

Selain kutipan Jumaat, Masjid C memperoleh sebanyak RM 8,985.00 (0.7%) manakala Masjid D menjana sebanyak RM 66,608.00 (7%) dan Masjid E sebanyak RM 8,970.00 hasil daripada sewaan kemudahan seperti bilik kuliah, dewan, bilik akad nikah, bilik mesyuarat serta tapak mesin layan diri dan menara komunikasi. Hanya Masjid D sahaja yang ada menjual produk minuman mineral untuk jualan kepada para jemaah dengan pendapatan sebanyak RM 1,856.00 (0.2%). Dapatan hasil kajian ini selari dengan hasil kajian-kajian terdahulu antaranya Omar et al. (2017) yang menyatakan masjid-masjid di Negeri Perak dan Negeri Sembilan menyewakan lot kedai, gerai, dewan, bilik kuliah, khemah serta alat kenduri kepada orang ramai sebagai aktiviti ekonomi untuk menjana pendapatan yang bersumberkan penyewaan. Kajian Sahar & Abdullah (2016) mengetengahkan Masjid As Salam, Puchong Perdana yang memanfaatkan kemudahan milik masjid dengan menyewakan tapak-tapak perniagaan kepada orang ramai sebagai usaha menjana pendapatan masjid. Kajian ke atas Masjid Al-Muttaqin, Wangsa Melawati yang dilakukan oleh Mohd Sarkam et al. (2014) juga menjana pendapatan bulanan melalui sewa premis kedai wakaf, warung makan, bazar, dewan, iklan dan yuran kelas. Hasil kajian ini juga selari dengan hasil kajian oleh Adnan, & Mohamad (2017) bahawa pendapatan utama Masjid Al Ghufuran adalah melalui hasil sewaan antaranya sewaan bumbung masjid kepada syarikat telekomunikasi, kamar musafir, premis bangunan, kafeteria, kios perniagaan dan van jenazah.

## 2. Aktiviti Pengimarahannya Masjid

Berdasarkan Jadual 2, aktiviti pengimarahannya masjid diadakan secara mingguan, bulanan dan tahunan. Bagi aktiviti mingguan, didapati semua masjid aktif mengadakan Kuliah Maghrib pada setiap malam. Kuliah tersebut diisi dengan pelbagai disiplin ilmu antaranya Aqidah, Fiqh, Tasawuf dan Tadarus Al-Quran. Bacaan Yasin dan Tahlil turut diadakan pada setiap hari Khamis. Kuliah Subuh pula hanya diadakan pada hujung minggu dan cuti umum sahaja memandangkan para jemaah tidak bekerja pada hari tersebut. Walaubagaimanapun, hanya Masjid A dan Masjid D mengadakan tadarus Al-Quran selepas solat subuh berjemaah pada hari Isnin hingga Jumaat. Selain itu, aktiviti untuk golongan wanita turut diadakan pada setiap minggu oleh Masjid B dan Masjid D. Masjid E pula mengadakan kelas mengaji khusus untuk kanak-kanak manakala Masjid B menjalankan aktiviti Qiamulail khusus untuk remaja dan belia pada setiap Sabtu. Bagi menjaga kebajikan dan menjalinkan hubungan baik antara masjid dan penduduk setempat, Masjid A menjalankan aktiviti Ziarah *Door to Door* di rumah penduduk kampung pada setiap hari Jumaat. Selain itu, Masjid A turut mengadakan siri pertemuan bersama-sama para jemaah yang berminat untuk mengikuti program-program dakwah di luar melalui aktiviti Usrah Team Kembara Mahabbah. Bagi menghidupkan sunnah Nabi Muhammad saw dalam kehidupan, Masjid D turut mengadakan bacaan Surah Al-Mulk dan Solat Sunat Witir secara berjemaah setiap malam selepas solat Isyak.

Bagi aktiviti bulanan pula, didapati Masjid A dan Masjid C menjalankan aktiviti kebajikan di mana sumbangan berbentuk makanan keperluan diberikan kepada golongan asnaf yang telah dikenal pasti tinggal di sekitar kawasan Masjid A. Masjid C pula memberikan bantuan berbentuk wang tunai kepada anak-anak yatim dan golongan asnaf setempat. Selain sumbangan tersebut, pihak Masjid C dengan kerjasama HIKMAH Cawangan Miri mengadakan Ziarah Duafa' di mana mereka akan menziarahi keluarga-keluarga yang kurang berkemampuan dan menyalurkan sumbangan. Selain itu, kedua-dua masjid tersebut turut mempunyai persamaan dari segi aktiviti lain antaranya lawatan ke masjid-masjid namun pendekatan aktiviti agak berbeza. Masjid A melalui aktiviti Khuruj Kembara Mahabbah menggunakan pendekatan dakwah tabligh di mana mereka akan bermalam di masjid terpilih dan menjalankan program dakwah di sana. Masjid C memfokuskan kepada menjalinkan persaudaraan dengan komuniti masjid dengan menjalankan aktiviti gotong-royong di masjid tersebut. Selain itu, Masjid A turut menganjurkan kelas untuk Imam dan Bilal dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS), Maulid Bulanan dan Qiamulail Perdana. Masjid D dan Masjid E mempunyai aktiviti yang sama di mana aktiviti gotong-royong membersihkan kawasan masjid yang melibatkan jemaah masjid diadakan setiap bulan disamping penganjuran ceramah bulanan yang disampaikan oleh penceramah khas turut dijalankan. Hanya Masjid B sahaja didapati tidak mempunyai aktiviti yang dijalankan secara bulanan. Bagi aktiviti tahunan pula, didapati terdapat persamaan aktiviti-aktiviti yang



dijalankan oleh kelima-lima masjid berkenaan antaranya sambutan hari-hari kebesaran Islam seperti Maal Hijrah, Maulidurrasul, Isra dan Mikraj, Nuzul Al-Quran, Ihya Ramadan, Ramah Tamah Aidilfitri dan Korban Perdana. Secara keseluruhannya, kelima-lima masjid yang dikaji aktif menjalankan aktiviti pengimarah masjid secara mingguan, bulanan dan tahunan. Aktiviti yang dijalankan merangkumi aktiviti keagamaan, keilmuan, kebajikan dan sosial.

Jadual 2. Aktiviti Pengimarah Masjid

Pengkelasan Aktiviti	Masjid A	Masjid B	Masjid C	Masjid D	Masjid E
Mingguan	Pembacaan Hadis Kuliah Maghrib Bacaan Yasin dan Tahlil, Kuliah Subuh Ziarah <i>Door to Door</i> Usrah Team Kembara Mahabbah	Kelas Wanita Kuliah Maghrib Tadarus Al-Quran Bacaan Yasin dan Tahlil Qiamulail Anak Muda Sindang	Kuliah Maghrib Bacaan Yasin dan Tahlil Kuliah Subuh	Tadarus Al-Quran Kuliah Maghrib Kuliah Subuh Kuliah Dhuha Bacaan Yasin dan Tahlil/Surah Al-Kahfi Bacaan Surah Al-Mulk Solat Sunat Witir	Kuliah Maghrib Bacaan Yasin dan Tahlil Kuliah Subuh Kelas Mengaji kanak-kanak
Bulanan	Kelas Imam dan Bilal Pengagihan bantuan makanan kepada golongan asnaf Khuruj Kembara Mahabbah Maulid Bulanan Qiamulail Perdana	-	Penyerahan bantuan bulanan kepada Anak Yatim & Asnaf Lawatan ke Masjid Luar Bandar Miri Ziarah Duafa'	Gotong royong Ceramah bulanan	Gotong-royong Ceramah bulanan
Tahunan	Sambutan Hari-Hari Kebesaran Islam Ihya Ramadan Program Lailatul Jaizah Ramah Tamah Aidilfitri Program Korban Perdana Solat Hajat Perdana UPSR, PT3, SPM dan STPM Daurah Kitab	Sambutan Hari-Hari Kebesaran Islam Ihya Ramadan Ujian Tilawah Al-Quran Pertandingan Takbir Raya Pertandingan Hafazan Program Korban Perdana	Sambutan Hari-Hari Kebesaran Islam Ihya Ramadan Pertandingan Nasyid & Zikir Marhaban Pertandingan Deklamasi Puisi Kemerdekaan Pertandingan Azan & Tilawah Al-Quran Program Korban Perdana	Sambutan Hari-Hari Kebesaran Islam Ihya Ramadan Ramah Tamah Aidil-Fitri Program Korban Perdana Program Pelajar UPSR/SPM Program HELWA Program Berkhatan Bersama Program Anjuran Mesyuarat Agung Tahunan/Dialog Professional	Sambutan Hari-Hari Kebesaran Islam Ihya Ramadan Sumbangan kepada Asnaf sempena Ramadan Majlis Khatamal Quran Belarak Malam Raya Ramah Tamah Aidilfitri Program Korban Perdana Solat Hajat Perdana UPSR,PT3, SPM, STPM Daerah Sibul Pertandingan Zikir Marhaban Karnival kesihatan & Hari Silaturrahim Forum

### 3. Perkhidmatan Komuniti yang disediakan oleh Masjid

Berdasarkan Jadual 3, terdapat tiga jenis perkhidmatan yang disediakan oleh pihak masjid antaranya dari aspek kebajikan, pendidikan dan sokongan sosial. Dari aspek kebajikan, didapati empat daripada lima buah masjid ada menyediakan bantuan makanan dan keperluan harian untuk individu yang memerlukan. Masjid B, Masjid D dan Masjid E menyediakan rak yang dikhaskan untuk meletakkan pelbagai jenis makanan kering bagi individu yang memerlukan. Individu tersebut hanya perlu menulis nama mereka pada buku rekod yang disediakan dan boleh mengambil makanan yang diperlukan. Usaha seperti ini turut membuka ruang kepada para jemaah untuk menyumbang dalam bentuk makanan kering untuk diisi pada rak tersebut. Masjid A pula menggunakan pendekatan yang agak berbeza di mana bungkusan makanan keperluan harian diagih kepada keluarga-keluarga yang telah dikenal pasti memerlukan bantuan di sekitar kawasan masjid. Pada yang sama, pihak masjid turut menyimpan beberapa set makanan sekiranya terdapat individu yang datang ke masjid untuk memohon bantuan tersebut. Masjid C pula menggunakan pendekatan bantuan dari segi kewangan kepada individu yang benar-benar memerlukan antaranya pembiayaan yuran tuisyen dan bantuan sementara mencari kerja. Walaubagaimanapun, bantuan ini hanya bersifat jangka masa pendek sahaja. Perkhidmatan mengurus jenazah turut disediakan oleh Masjid A, Masjid B, Masjid C dan Masjid D. Bagi perkhidmatan yang berasaskan kebajikan, ianya selari dengan hasil kajian Zainal, Mustaffa & Othman (2019) di mana masjid-masjid di Negeri Kedah dengan kerjasama Lembaga Zakat Negeri Kedah menjadi pusat bekalan makanan untuk diagihkan kepada 17,220 buah keluarga yang miskin setiap bulan.

Dari aspek pendidikan pula, hanya Masjid D dan Masjid E sahaja yang menyediakan kelas tuisyen untuk pelajar-pelajar kelas peperiksaan. Masjid D mengenakan yuran yang berpatutan untuk empat subjek teras di mana yuran tersebut adalah sebagai komitmen pelajar agar hadir ke kelas. Kelas tuisyen yang diadakan di Masjid E pula adalah kerjasama Jawatankuasa Pendidikan, Pusat Khidmat Dewan Undangan Negeri (DUN) N 55 Nangka di mana kelas tersebut diadakan secara percuma untuk pelajar-pelajar kelas peperiksaan seperti UPSR, PT3 dan SPM. Pihak masjid hanya menyediakan kemudahan seperti ruang kelas, kerusi, meja dan lain-lain untuk kelas tersebut manakala tenaga pengajar pula diuruskan oleh pihak Jawatankuasa Pendidikan DUN Nangka. Bagi perkhidmatan yang berkaitan dengan pendidikan pula, terdapat kajian yang dilakukan oleh Jamsari et al. (2010) mendapati institusi masjid di Singapura turut menyediakan perkhidmatan dalam aspek pendidikan antaranya kursus dan seminar ummah semasa, kursus bimbingan rumah tangga dan kursus persediaan haji dan beberapa siri kelas bimbingan.

Dari aspek sokongan sosial pula, Masjid A menyediakan ruang untuk bekas pelatih dari Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) dan banduan penjara mengislah dan memperbaiki diri untuk menjadi lebih baik. Pusat Pemulihan dan Islah Diri merupakan inisiatif masjid melalui Ketua Biro Dakwah dan dibantu oleh kumpulan Kembara Mahabbah yang terdiri daripada jemaah-jemaah masjid dan penduduk setempat. Bekas pelatih ini akan melalui beberapa aktiviti pengislahan diri di antaranya penyucian diri dengan mandi wajib, solat sunat taubat dan diberikan tazkirah. Kumpulan bekas pelatih tersebut akan tinggal di masjid dan mengikuti semua aktiviti masjid termasuk solat fardu dan solat Jumaat, khidmat masyarakat seperti membersihkan kawasan masjid dan mengecat rumah penduduk kampung. Masjid A dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS) turut menyediakan bimbingan dan khidmat nasihat dan kepada penduduk setempat. Pusat Khidmat Keluarga, Sosial dan Komuniti merupakan projek rintis antara Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS) dengan Masjid A yang telah bermula sejak 12 Julai 2012. Tujuan utama pusat ini ditubuhkan adalah sebagai salah satu jalan penyelesaian jangka masa panjang terhadap permasalahan sosial yang berlaku dalam masyarakat. Pusat ini dikendalikan sepenuhnya oleh pegawai daripada Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS) dan individu yang berpengalaman dan dilantik oleh Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS). Manakala Masjid A menyediakan kemudahan bilik khas serta memaklumkan kepada masyarakat setempat mengenai bimbingan dan khidmat nasihat yang disediakan di pusat tersebut. Selain menyediakan bimbingan dan khidmat nasihat, pusat ini juga menjalankan kelas pengajian Al-Quran dan berzanji untuk golongan wanita setiap hari Ahad.

Jadual 3. Perkhidmatan Komuniti yang disediakan oleh Masjid

Perkhidmatan Komuniti Masjid	Masjid A	Masjid B	Masjid C	Masjid D	Masjid E
Kebajikan	Bantuan Makanan Pengurusan Jenazah	Bantuan Makanan Pengurusan Jenazah	Bantuan Kewangan Pengurusan Jenazah	Bantuan Makanan Pengurusan Jenazah	Bantuan Makanan
Pendidikan	-	-	-	Kelas Tuisyen	Kelas Tuisyen
Sokongan Sosial	Pusat Pemulihan Islah Diri Pusat Khidmat Keluarga, Sosial dan Komuniti	-	-	-	-

#### 4. Faktor-faktor yang Menyumbang kepada Kelestarian Dana Masjid

##### *Aktiviti pengimarah masjid*

Hasil kajian mendapati derma dan sedekah daripada orang ramai termasuk individu perseorangan meningkat pada bulan Ramadan. Pada tahun 2019, Masjid A memperolehi sumbangan sebanyak RM 127,900.00 (18.8%) melalui Tabung Aktiviti Ramadan. Selain itu, kutipan Jumaat juga meningkat pada bulan Ramadan. Informan 1A menyatakan:

*“Kutipan akan bertambah waktu Ramadan dan Raya Kurban. Kutipan Raya Korban bertambah tapi sik melebihi Ramadan. Ramadan memang kayalah”*

Selain itu, penceramah-penceramah yang mengisi sesi kuliah mingguan menjadi faktor yang menggalakkan para jemaah menyumbang kepada dana masjid. Informan 1A menyatakan:

*“Alhamdulillah kita sitok banyak jemaah dari luar yang suka di sitok. Walaupun Masjid India lebih selesa tangga kamek nak gik baru, tapi kinek tok kamek nangga saff malam sampey lima saff orang laki. Perempuan tiga, empat saff. Ya mek madah, makin rami orang. Kamek rasa bangga juaklah nak. Walaupun masjid kita tok nak masjid lamak, tapi orang masih..mungkin dari segi penceramah, ilmu-ilmu yang daknya timba di sitok lebih selesa kali, kita sik tauklah”*

Ini menunjukkan bahawa para jemaah yang hadir merasa beroleh manfaat daripada kuliah mingguan yang diadakan di Masjid A. Selain itu, Masjid A juga sering menjemput penceramah terkenal dan berpengaruh untuk menyampaikan ceramah. Informan 1A menyatakan:

*“Especially bila ada program, kita akan nungghah penceramah khas yang kira berpengaruh juaklah, nya tek nang dikenali orang, biasa selalu penuh sitok. Atas tok jaranglah kamek orang buka. Dibah pun sidak perempuan tok dari hujung tok sampey hujung tok full”*

Hasil dapatan kajian ini selari dengan dapatan hasil kajian Ridwanullah & Herdiana (2018) ke atas Masjid at-Taqwa Cirebon di mana aktiviti kuliah Subuh, kempen solat Subuh berjemaah dan pengajian mingguan menarik para jemaah untuk menyumbang kepada tabung masjid kerana merasakan banyak manfaat yang diperoleh melalui aktiviti tersebut.

##### *Perkhidmatan komuniti yang disediakan oleh masjid*

Salah satu aktiviti pengimarah bagi Masjid C yang mendapat perhatian para jemaah untuk terus menyumbang dana ialah aktiviti kebajikan di mana bantuan kewangan untuk anak-anak yatim dan golongan asnaf secara bulanan. Informan C1 menyatakan:

*“Mingguan average kalau tabung masjid ajak two thousand five (2,500). Macam sidak tok anak yatim, they getting more because orang favour orang dengan anak yatim nak. Kamek orang 2,500 daknya 3 thousand something. They always higher”*

Masjid C menyediakan tiga jenis tabung iaitu tabung masjid, tabung Biro Anak Yatim dan Tabung Biro Kebajikan. Pada tahun 2019, kutipan tabung masjid atau Jumaat adalah sebanyak RM 182,049.95 bersamaan 14% manakala kutipan Tabung Biro Kebajikan mencecah RM 179,500.06 (13.9%) dan kutipan Tabung Biro Anak Yatim adalah sebanyak RM 393,028.08 (30.3%). Ini menjelaskan bahawa para jemaah terus menerus menderma kepada masjid kerana mendapati sumbangan tersebut ternyata dapat membantu golongan yang memerlukan untuk meneruskan kelangsungan hidup.

#### *Kesedaran untuk menderma kepada dana masjid*

Informan D1 menyatakan bahawa kesedaran untuk berinfak amat tinggi dalam kalangan komuniti yang tinggal sekitar Masjid D sehingga kutipan Jumaat pada setiap minggu tidak pernah kurang daripada RM 8,000.00. Informan D1 menyatakan:

*“Itu yang kiranya Alhamdulillah, maksudnya semangat infak kepada masjid tinggi aa.. orang di sinilah sekarang ni. Oleh sebab itu aa.. average hari biasa tu pun hari, maksudnya aa minggu tak gaji pun kita tak kurang daripada lapan ribu”*

#### **Kesimpulan**

Hasil kajian menjelaskan bahawa sumber dana masjid diperolehi daripada sumbangan orang ramai, wakil rakyat dan pelbagai organisasi. Hal ini menunjukkan bahawa umat Islam di Sarawak mempunyai kesedaran yang tinggi untuk menderma dan menyumbang kepada masjid kerana institusi ini berperanan penting dalam pembinaan insan melalui aktiviti keagamaan dan juga mengurus kepentingan umat Islam dalam aspek kebajikan, pendidikan dan sosial. Selain itu, sumber dana juga diperolehi melalui pendapatan seperti kutipan Jumaat, sewaan premis, yuran aktiviti, jualan produk dan sebagainya. Walaupun institusi masjid bukan satu entiti yang berasaskan keuntungan, namun amat perlu untuk institusi masjid merancang dan mengusahakan sumber dana seperti mengusahakan gerakan koperasi agar tidak terlalu bergantung kepada sumbangan dan derma orang ramai sahaja. Dapatan kajian juga mendapati aktiviti pengimarahannya dijalankan secara mingguan, bulanan dan tahunan. Selain daripada aktiviti keagamaan, masjid juga menjalankan aktiviti pendidikan, kebajikan, sosial dan komuniti yang mensasarkan jemaah dari pelbagai peringkat umur. Ini menjelaskan bahawa dengan adanya dana yang lestari, pelbagai aktiviti pengimarahannya dapat dilaksanakan secara berterusan.

Dari perspektif yang lain, penyelidik berpandangan aktiviti-aktiviti pengimarahannya turut mendorong orang ramai untuk terus menderma kerana aktiviti-aktiviti berkenaan memberikan manfaat kepada mereka dan masyarakat. Dapatan kajian ini juga memberikan pencerahan bahawa perkhidmatan komuniti yang disediakan oleh pihak masjid memenuhi keperluan masyarakat dari aspek kebajikan, pendidikan dan sokongan sosial. Penyelidik berpandangan orang ramai tidak ragu-ragu untuk menderma dan menyumbang kepada masjid sekiranya pihak masjid mampu menyediakan perkhidmatan komuniti yang berkualiti. Pihak Jawatankuasa Pengurusan Masjid (JKP) boleh melancarkan dana wakaf khusus untuk perkara-perkara yang melibatkan perkhidmatan komuniti agar perkhidmatan tersebut dapat dijalankan secara berterusan dan memberikan manfaat kepada lebih ramai individu dan masyarakat. Kesimpulannya, kajian ini mendapati aktiviti pengimarahannya dan perkhidmatan komuniti yang disediakan oleh masjid menjadi antara faktor orang ramai untuk terus menderma dan menyumbang kepada dana masjid disamping mempunyai kesedaran yang tinggi untuk menjalani amalan bersedekah dan berinfak kepada institusi masjid.

**Penghargaan:** Ditujukan kepada Bahagian Kemajuan Institusi Masjid, Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS), Jawatankuasa Pengurusan Masjid at-Taqwa, Kuching; Masjid Darul Ikhlas, Kampung Sindang Samarahan; Masjid Darul Ehsan, Miri; Masjid al-Abyad, Kuching; dan Masjid an-Nur, Sibul di atas kerjasama yang diberikan dalam menyempurnakan kajian ini.

## Rujukan

- Adnan, A. A., & bin Mohamad, M. T. (2017). Corak perbelanjaan dana masjid negara dan Masjid Al-Ghufran: Analisis perbandingan ke arah penjanaan ekonomi. *Lembaga editorial*, 63.
- Al-Jayyousi, O. R. (2012). *Islam and sustainable development*. Gowe Publishing.
- Ahmad, J., Ahmad, S., Abd Majid, M., & Wahid, H. (2001). Dana dan harta masjid di Malaysia: Ke arah pengurusan strategik. In *National Workshop on Capacity Building Towards Excellence in Econ. Research & Policy Formulation di UUM* (pp. 23-24).
- Amree, M. K. (2014). Satu kajian di Masjid Almuttaqin Wangsa Melawati. In *Proceeding of the International Conference on Masjid, Zakat and Waqf* (pp. 72-79).
- Azizan Baharuddin. (2017). Science for sustainable development: some ideas on concepts and definition from the Islamic perspective in Azrina Sobian & Muhammad Husni Mohd Amin (Eds.). *Science for sustainable development is Islamic and Interfaith Perspectives* (pp. 11-15). IKIM.
- Azmi, N. A., & Kandar, M. Z. (2019). Factors contributing in the design of environmentally sustainable mosques. *Journal of Building Engineering*, 23, 27-37.
- Baharudin, N. A., & Ismail, A. S. (2014). Communal Mosques: Design functionality towards the development of sustainability for the community. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 153, 106-120.
- Borhan, J. T., & Sa'ari, C. Z. (2002). Pembangunan ekonomi Masjid. *Seminar Pembangunan Masjid, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya*.
- Bujang, S., Omar, S. A., & Ali Hasan, A. R. (2012). Pengelasan aktiviti pengimarahannya Masjid Di Negeri Sarawak. *Prosiding Koferensi Antarabangsa Islam Borneo*, 5, 1-12.
- Emas, R. (2015). The concept of sustainable development: Definition and defining principles, Florida International University. *Brief for GSDR 2015*, 1-3.
- Eusof, Y. A., Denny, M., Som, A. P. M., Jusan, M. M., & bin Ibrahim, B. (2015). An assessment of green mosque index in Peninsular Malaysia. *American-Eurasian Journal of Agricultural & Environmental Sciences*, 15, 114-122.
- Hidayat, E. R., Danuri, H., & Purwanto, Y. (2018). EcoMasjid: The first milestone of sustainable mosque in Indonesia. *Journal of Islamic Architecture*, 5(1), 20-26.
- Hussin, M. Y. M., Muhammad, F., Razak, A. A., Habidin, N. F., & Mohamad, S. I. S. (2012). Eksplorasi dana kewangan masjid di negeri Perak. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VII*, 1275.
- Ismail, N. A., & Yusoff, M. H. S. M. (2020). Persepsi masyarakat terhadap peranan Masjid menguruskan dana sedekah. *International Journal of Social Science Research*, 2(3), 1-11.
- Jamsari, E. A., Tumiran, S. N., Bakar, K. A., & Arifin, Z. (2010). Peranan dan sumbangan institusi masjid dalam pembangunan masyarakat Melayu-Islam di Singapura: Satu kajian di Masjid Assyafaah, Sembawang. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 2(2), 31-44.
- Jaffar, N., Harun, N. Z., & Abdullah, A. (2020). Enlivening the mosque as a public space for social sustainability of traditional Malay settlements. *Planning Malaysia*, 18.
- Jazeel, M. (2014). Financial management practices of Mosques in Sri Langka: An Observation. *4th International Symposium*, 0 (December), 544-548.
- Maboya, M., & McKay, T. (2019). The financial sustainability challenges facing the South African non-profit sector. *The Journal for Transdisciplinary Research in Southern Africa* 15(1), 1-10.
- Mohd Sarkam, M.K.A., Yasin, R., & Abdul Ghani, S. (2014). Satu kajian di Masjid Al-Muttaqin Wangsa Melawati. *International Conference on Masjid, Zakat and Waqf*, (December), 72-80.
- Mohsina, T. M., hmad Basria, N. E. A., Zaina, S. M., & Gheeb, T. K. (2018). Effectiveness of Masjid Lestari program on recycling practices among Bandar Baru Bangi and Semenyih Residents. *Jurnal Kejuruteraan*, 1(5), 77-82.
- Norani, M. N. M., & Abdullah, W. H. (2020). Analisis aktiviti pengajian keagamaan di Institusi masjid-masjid Negeri Melaka. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 3(1), 119-129.
- Omar, A. R. C., Hussin, M. Y. M., & Muhammad, F. (2017). Perniagaan sosial menerusi aktiviti ekonomi masjid. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)*, 1(1), 39-46.

- Omar, H. H., Isa, M. Y., & Yusuff, N. (2015). Pengurusan kewangan dana Masjid: Satu kajian di Daerah Kubang Pasu, Kedah. *International Journal of Management Studies*, 22(2), 115-134.
- Omar, S. S., Ilias, N. H., Teh, M. Z., & Borhan, R. (2018). Green mosque: A living nexus. *Environment-Behaviour Proceedings Journal*, 3(7), 53-63.
- Ridwanullah, A. I., & Herdiana, D., (2018). Optimalisasi pemberdayaan masyarakat berbasis Masjid. *Ilmu Dakwah: Academic Journal for Homiletic Studies*, 12(1), 82-98.
- Ramli, A. M., Jalil, A., Hamdan, N., Haris, A., & Aziz, M. A. A. (2020). Keperluan Fatwa Pelaburan Dana Masjid Bagi Kelestarian Fungsi Serta Peranan Masjid: Satu Analisa. *E-Proceeding : Seminar Antarabangsa Islam dan Sains (SAIS 2020)*,
- Razak, A. A., Hussin, M. Y. M., Muhammad, F., & Mahjom, N. (2014). Economic significance of mosque institution in Perak State, Malaysia. *Kyoto Bulletin of Islamic Area Studies*, 7(7), 98-109.
- Rizv, L. J., & Unissa, S. T. (2015). Comparing Islamic Credo on sustainable development with modern world doctrines. *Journal of Economics and Sustainable Development*, 6(18), 21-27.
- Sahar, A. F. M., & Abdullah, M. Y. M. (2016). Strategi pembangunan ekonomi Masjid As-Salam sebagai wasilah dakwah kontemporari. In *International Conference on Aqidah, Dakwah and Syariah*.
- Said, J., Mohamed, A., Sanusi, Z. M., & Yusuf, S. N. S. (2013). Financial management practice in religious organizations: Empirical evidence of mosque in Malaysia. *International Business Research*, 6(7), 111.
- Samdin, Z., Mat Zain, M.N., & Abdul Manaf, M.F (2013). Pengurusan kewangan Masjid di Daerah Jelebu. *Prosiding Kolokium Antarabangsa Siswazah Pengajian Islam (KASPI 2013)*, Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, Institut Latihan KWSP Kajang, 13-14hb November.
- Tohid, Z., & Rahim, A. A. (2016). Sustainable masjid architecture and public buildings. *Environment-Behaviour Proceedings Journal*, 1(1), 88-93.
- Tristan G. Brown. (2013). Muslim Networks, Religious Economy, and Community Survival: The Financial Upkeep of Mosques in Late Imperial China. *Journal of Muslim Minority Affairs*, 33(2), 241-266.
- Utaberta, N., & Asif, N. (2017). Mosques as Emergency Shelters in Disaster Prone Regions. *Pertanika Journal of Social Sciences and Humanities*, 25(July), 207-216.
- Wahid, H., Nor, N. G. M., Ahmad, J., & Ahmad, S. (2009). Masjid dan pembentukan modal sosial: Apakah faktor penentu aktiviti masjid. *Prosiding Bengkel Penyelidikan Gunaan dalam Ekonomi Islam*, 1-9.
- Yasoa, M. R., Ghazali, M. S., Alwi, M. A. M., Ab Rahman, A. H., Abdullah, S. S., Abdullah, A. R., ... & Yaacob, M. R. (2019). Fund management-An exploratory case study of several mosques in Kelantan. *Research in World Economy*. 10 (2), Special Issue, 2019.
- Yasoa, M. R., Ghazali, M. S., Alwi, M. A. M., Ab Rahman, A. H., Abdullah, S. S., Abdullah, A. R., ... & Yaacob, M. R. (2016). Pengurusan dana pusat ibadah: Kajian eksplorasi kes beberapa masjid di Kelantan. *Journal of Education and Social Sciences*, 5(1), 155-165.
- Zainal, H., Mustafa, M. F., & Othman, Z. (2019). Zero hunger and sustainable development goals: Model of food bank centre by Lembaga Zakat Negeri Kedah. *UMRAN-International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 6(2-2).